

BENTUK KERTAS SOALAN

Mata pelajaran Ekonomi Asas SPM diuji dalam dua kertas. Kertas 1 (3757/1) dan Kertas 2 (3757/2) yang merangkumi sukatan pelajaran Tingkatan 4 dan 5.

Kertas 1 mengandungi 40 soalan objektif aneka pilihan. Semua item Kertas 1 wajib dijawab oleh calon dan masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 15 minit.

Kertas 2 terdiri daripada soalan subjektif yang mengandungi dua bahagian:

Bahagian A - Calon dikehendaki menjawab mana-mana 3 daripada 5 soalan.

Bahagian B - Calon dikehendaki menjawab satu soalan wajib berbentuk kes/situasi.

Masa menjawab ialah 2 jam. Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan prestasi calon pada tahun ini adalah sederhana baik dan menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Calon berupaya mengaitkan teori ekonomi yang dipelajari secara tepat dan relevan dengan bahan rangsangan/situasi yang dikemukakan dalam tugas soalan. Calon juga mampu menganalisis dan mentafsir secara tepat dan agak baik tentang gambar, dialog atau rajah yang dikemukakan terutamanya di Bahagian A. Bagi soalan pengiraan, majoriti calon mampu menjawab dengan tepat kerana dibantu oleh rumus yang diberi bersama soalan. Penguasaan konsep, istilah dan laras bahasa ekonomi juga memuaskan. Walau bagaimanapun pencapaian calon dalam menjawab soalan berdasarkan kes/situasi terutamanya Bahagian B masih lemah dan majoriti calon gagal mengaplikasikan teori ekonomi yang dipelajari bagi menyelesaikan soalan beraras tinggi. Namun, masih terdapat sebilangan besar calon yang gagal mengingat dan memahami konsep, istilah serta laras bahasa ekonomi menyebabkan mutu jawapan yang dikemukakan amat lemah walaupun bagi item pengetahuan dan kefahaman beraras rendah. Calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa mengaitkannya dengan teori ekonomi yang dipelajari.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon mampu memahami dan mentafsir tugas soalan dengan tepat. Fakta, huraian dan contoh yang dikemukakan adalah tepat, mencukupi, sistematik dan lengkap bagi soalan beraras rendah, sederhana mahupun tinggi. Penguasaan bahasa adalah baik, tepat, ringkas dan calon tidak mengulangi fakta yang sama. Majoriti calon mampu menjawab 3 daripada 4 soalan dengan baik dengan purata markah melebihi 18. Calon dalam kumpulan ini mampu memperoleh markah penuh 25 markah terutamanya bagi soalan 1 dan 4. Calon mampu menjawab dengan baik soalan berbentuk pengiraan seperti soalan 4(a), soalan menganalisis keluk/rajah seperti soalan 3(b) dan 3(c) serta soalan berbentuk gambar/grafik/dialog seperti soalan 1(b), 2(b), 3(a), 4(b) dan 4(c). Calon juga mampu mengemukakan jawapan yang mantap bagi soalan berasaskan fakta/konsep yang menguji tahap pengetahuan dan kefahaman seperti soalan 5(a) dan 5(b). Namun terdapat juga

kesilapan kecil yang dilakukan oleh sebilangan calon seperti tidak menulis unit "RM" pada soalan 2(a)(ii) dan menulis simbol % apabila memberi jawapan pekali keanjalan harga penawaran pada soalan 4(a). Hanya segelintir calon berada dalam kumpulan ini.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Sebahagian jawapan masih betul dan menepati tugas soalan terutamanya bagi soalan 1, 2(b)(ii), 3(a)(ii), 3(b), 4(b), 4(c), 5(b) dan 6(c). Namun calon belum mampu untuk menguasai sepenuhnya soalan beraras sederhana dan tinggi. Calon hanya mampu menguasai tajuk-tajuk tertentu sahaja dan tidak menyeluruh menyebabkan mereka gagal memperoleh markah yang tinggi terutamanya bagi soalan yang bersifat "multi topic". Majoriti calon hanya dapat mengemukakan jawapan yang baik bagi satu atau dua pecahan soalan manakala bagi pecahan lain gagal dijawab dengan baik. Terdapat kecenderungan calon mengulangi fakta yang sama dan huraian yang dikemukakan kurang mantap dan bersifat umum. Calon masih belum mampu menyelesaikan soalan berbentuk situasi/kes dengan konsep dan teori ekonomi. Penguasaan bahasa dan istilah ekonomi kurang mantap menyebabkan calon gagal mengemukakan jawapan yang baik. Lebih separuh calon berada dalam kumpulan ini.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Jawapan calon umum, tidak tepat dan tiada kaitan dengan tugas soalan. Calon menjawab berdasarkan apa yang mereka tahu dan bukannya apa yang dikehendaki dalam tugas soalan. Calon cenderung mengemukakan fakta berdasarkan pemikiran logik tanpa menggunakan teori/konsep ekonomi yang dipelajari. Fakta dan huraian yang diberi tidak tepat dan tidak mencukupi. Majoriti calon hanya mampu menyenaraikan beberapa fakta tanpa disokong dengan huraian. Penguasaan bahasa dan konsep ekonomi yang lemah menyebabkan calon gagal menjelaskan fakta yang dikemukakan. Hampir separuh calon berada dalam kumpulan ini.

PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN

Soalan 1(a)

Prestasi calon adalah baik. Calon dapat menjelaskan cara kerajaan membuat keputusan berdasarkan 3 masalah ekonomi yang dihadapi dengan merujuk kepada maklumat yang diberi dalam soalan.

1 a) Kerajaan ialah pemerintah sesebuah negara. Kerajaan telah meronggakan projek pembinaan landasan kereta berkembar yang melintasi berbilion ringgit untuk memberi tumpuan kepada projek-projek pembangunan luar bandar kerana menghadapi masalah kekurangan basit ~~sq~~ seperti cukai, dan sebagainya. Oleh itu, pihak kerajaan terpaksa membuat pilihan. Pihak kerajaan perlu memilih projek yang dapat memberi ketajikan kepada masyarakat. Oleh sebab itu, kerajaan telah memilih projek pembangunan luar bandar kerana ~~memberi~~ dapat memberi kebajikan

kepada masyarakat. ~~Ke~~ kekurangan projek landasan kereta api berkembar menjadi kos lepas. Kos lepas ialah projek pembangun pengganti terbaik yang terpaksa dipasarkan untuk menjalankan projek pembangunan yang lebih berfaedah.

Kelemahan yang dilakukan oleh sebahagian calon ialah tidak menjelaskan konsep 'kekurangan' dengan tepat. Contohnya: kekurangan "wang/modal/faktor pengeluaran". Begitu juga dengan konsep pilihan, calon menulis semula ayat dalam petikan iaitu "... memberi tumpuan kepada projek...". Bagi konsep kos lepas pula, calon menjelaskan konsep yang tidak relevan dengan unit ekonomi kerajaan. Sebagai contoh: "barang kedua terbaik...". Terdapat juga calon yang menerangkan tentang masalah asas ekonomi.

Soalan 1(b)

Keseluruhannya prestasi calon adalah sangat baik. Sebahagian besar calon mampu menyatakan sehingga 5 ciri barang awam dan barang ekonomi.

(a) Gambar 1 merupakan (barang awam) barang awam (di sediakan oleh kerajaan) untuk kebajikan rakyat. (Penawaran barang awam adalah f_1, f_2 terhadap) pengeluaran barang awam pula (melibatkan kos f_4, f_5) barang awam (oleh di nikmati oleh setiap individu) f_6 .

Gambar 2 merupakan (barang ekonomi) barang ekonomi (disediakan oleh firma swasta) untuk (pelonggaran yang mampu sahaja) penawaran barang ekonomi adalah terhadap. (Pengeluaran barang ekonomi juga (melibatkan kos f_7, f_8) tahu pphn) kedua terbaik terpaksa di terpaksa.

Kelemahan yang dilakukan oleh segelintir calon ialah memberi jawapan bahawa balai polis ialah barang percuma, tiada kos lepas dan perkhidmatan tidak terhad. Terdapat juga calon yang menjelaskan tugas dan tanggungjawab polis serta pegawai keselamatan. Selain itu calon turut menjelaskan serta aspek fizikal balai polis dan syarikat keselamatan. Contohnya: menangkap penjenayah, keadaan bumbung, tingkap...

Soalan 1(c)(i)

Pada umumnya prestasi calon adalah sangat baik. Calon berjaya menamakan sistem ekonomi Negara A ialah sistem ekonomi Kapitalis dan sistem ekonomi Negara B ialah sistem ekonomi Perancangan Pusat.

Kelemahan yang dilakukan oleh segelintir calon ialah menamakan sistem ekonomi yang salah atau tidak lengkap. Sebagai contoh: "sistem bebas atau sistem pusat."

Soalan 1(c)(ii)

Secara keseluruhannya prestasi calon adalah baik. Kebanyakan calon dapat membezakan 5 ciri sistem ekonomi Kapitalis dan Perancangan Pusat.

(c)(i) Sistem ekonomi Negara A ialah sistem ekonomi kapitalis manakala sistem ekonomi Negara B pula merupakan sistem ekonomi perancangan pusat.

(ii) Kedua-dua sistem ekonomi tersebut adalah berbeza dari pelbagai segi.

Dari segi pemilikan faktor, sumber-sumber ekonomi bagi Negara A adalah dimiliki oleh pengguna dan pengeluar. Hal ini berbeza bagi negara B kerana sumber-sumber ekonomi negara tersebut adalah dimiliki oleh pihak kerajaan.

Selain itu, dari segi pembuatan keputusan pula, dalam sistem ekonomi negara A, pengeluar berhak untuk membuat keputusan sama ada hendak mengeluarkan barang apa, berapa yang harus dikeluarkan, bagaimana hendak mengeluarkan, dan untuk siapa barang itu. Manakala bagi negara B, segala keputusan adalah dibuat oleh pihak kerajaan, menenun pusat perancangan ekonomi.

Sementara itu, dari segi pilihan, dalam sistem ekonomi negara A, (pengeluar bebas memilih apa yang harus dikeluarkan dan pengguna bebas memilih apa yang perlu dibeli). Dalam sistem ekonomi negara B pula, ~~pengeluar~~ pihak kerajaan sahaja yang berhak memilih. Pihak pengeluar dan pengguna tidak berpeluang memilih barang.

Di samping itu, dari segi persaingan, persaingan adalah hebat dalam sistem ekonomi negara A manakala tidak ada persaingan antara pengeluar dalam negara B kerana segala keputusan diambil oleh kerajaan.

Dari segi penentuan harga, dalam sistem ekonomi negara A, harga ditentukan menerusi kuasa permintaan dan penawaran pasaran. Hal ini berlainan bagi negara B yang harga barangnya ditentukan oleh kerajaan.

Bagi sistem ekonomi negara A, motif pengeluar adalah untuk memaksimumkan keuntungannya manakala bagi sistem ekonomi negara B pula, motif kerajaan adalah untuk menjaga kebajikan rakyat dan memastikan agihan pendapatan penduduknya adalah seimbang.

Terdapat segelintir calon yang membezakan cara penyelesaian **masalah asas ekonomi**. Sebahagian yang lain pula tidak menyatakan ciri dengan jelas. Contohnya: "Sistem ekonomi Kapitalis **dikuasai** oleh swasta tetapi sistem ekonomi Perancangan Pusat **dikuasai** oleh kerajaan."

Soalan 2(a)(i)

Secara keseluruhannya prestasi calon menjawab soalan ini adalah kurang memuaskan. Hampir semua calon menjawab “tidak setuju” tetapi hanya dapat mengemukakan 1 fakta iaitu **perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna** dengan huraian yang panjang lebar. Sebahagian besar calon tidak dapat memberi alasan “**akan berlaku inflasi**”. Terdapat juga calon yang “**setuju**” dengan perbelanjaan Encik Saiful dan menjelaskan tindakan yang sepatutnya dilakukan seperti berbelanja sedikit, akan meminjam dan akan melakukan tabungan.

Calon sepatutnya memberi 5 alasan mengapa “tidak setuju” dengan corak perbelanjaan Encik Saiful.

Contohnya:

2(a)i) Saya tidak setuju dengan perbelanjaan En. Saiful. ~~En. Saiful~~
Perbelanjaan En. Saiful ~~menunjukkan~~ ^{kelebihan perbelanjaan} ~~kekurangan~~ sebanyak
RM200. ~~Kelemahan ini~~ ~~menunjukkan~~ kelebihan perbelanjaan ini menunjukkan
pembaziran. Selain itu, En. Saiful tidak tahu membelanja berda-
sarkan keutamaan iaitu perbelanjaan untuk ~~ke~~ hiburan dan
rekreasi tidak diperlukan. Selain itu, En. Saiful tidak
mempunyai hasil wang untuk ditabungkan. Jika perbelanjaan
ini dijalankan ~~sewajarnya~~ pada masa panjang, En. Saiful
hendaklah membuat pinjaman dan juga akan menghadapi
masalah kewangan.

Soalan 2(a)(ii)

Prestasi calon menjawab soalan ini adalah agak memuaskan. Calon mampu menyediakan belanjawan peribadi yang mempunyai baki untuk ditabungkan. Namun, sebahagian besar calon gagal mendapat markah format kerana tidak menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan.

Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah tidak menulis “**pendapatan boleh guna RM2000**” tetapi menulis “**pendapatan sahaja**”. Calon juga hanya menyalin semula senarai perbelanjaan yang diberi dalam soalan menyebabkan perbelanjaan melebihi pendapatan. Oleh itu, tiada tabungan.

(ii) Jumlah pendapatan (bulanan)		RM 2000
- perbelanjaan bulanan		
Sewa rumah	RM 500	
Sumbangan ibu bapa	RM 300	
Kesihatan	RM 100	
Tambang	RM 200	
Bil. elektrik, air, telefon	RM 200	
Makanan	RM 600	
Hiburan /Rekreasi	RM 500	
Jumlah perbelanjaan		RM 2200
Ketukangan pendapatan		(RM 200)

Calon sepatutnya menyediakan belanjawan peribadi seperti contoh berikut:

Pengata belanjawan peribadi	RM	RM
Pendapatan boleh guna		2000
Per Tolak Perbelanjaan:		
Sewa rumah	500	}
Bil elektrik, air dan telefon	180	
Makanan	500	
Kesihatan	100	
Sumbangan kepada ibu bapa	300	
Tambang	180	
Hiburan /rekreasi	200	
Jumlah perbelanjaan		
Tabungannya Baki pendapatan boleh guna (tabungannya)		40

Soalan 2(b)(i)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Sebahagian kecil calon mampu memberikan 4 fakta dan huraian dengan baik.

Contohnya:

(b)(i) cara-cara pelaburan adalah dengan membeli aset tetap seperti rumah, kedai dan sebagainya. Aset tetap yang dibeli boleh disewakan kepada orang lain dan menerima sewa setiap bulan sebagai pulangan daripada pelaburan. Aset tersebut juga boleh dijual pada harga yang lebih tinggi daripada harga belian dan mendapat keuntungan.

cara kedua pelaburan adalah dengan membeli barang modal untuk memulakan sesuatu perniagaan. Barangan modal seperti jentera dan mesin digunak dalam proses pengedaran barang serta perkhidmatan supaya dapat keuntungan daripada jualan barang dan perkhidmatan.

selain itu, pelaburan juga boleh dibuat melalui pembelian barang niaga atau stok. Pembelian barang niaga secara pukal dapat mengurangkan kos belian. Apabila stok tersebut dijual dengan harga yang lebih tinggi pada masa depan, pengusaha akan mendapat keuntungan daripada jualan tersebut.

(Pelaburan dalam sumber manusia juga adalah salah satu bentuk pelaburan. Sebagai contohnya, apabila buruh diberi pendidikan dan kemahiran dalam bidang tertentu, majikan dapat melahirkan pekerja mahir yang dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran. seterusnya, barang yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi dan dengan kuantiti yang banyak. Dengan itu, majikan dapat keuntungan yang lebih lumayan.

Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah menyamakan pelaburan dengan tabungan dan menerangkan tentang "pelaburan saham".

Soalan 2(b)(ii)

Prestasi calon secara keseluruhan adalah memuaskan. Kebanyakan calon dapat membezakan tabungan dan pelaburan dari aspek pulangan dan risiko sahaja. Sepatutnya calon juga membezakan dari aspek bentuk pulangan.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

ii) Perbezaan pertama ialah (pulangan yang diterima. Jika individu membuat tabungan, individu tersebut dapat mempunyai yang (sangat rendah) manakala individu yang membuat pelaburan akan (mendapat) (pulangan yang sangat tinggi)

Perbezaan kedua ialah (isiko pulangan yang dihadapi. Membuat tabungan mempunyai risiko yang sangat rendah) Ini menyebabkan (pulangan yang diterima adalah rendah) U_{B1} Manakala membuat (pelaburan mempunyai risiko yang sangat tinggi) Ini menyebabkan pulangan yang diterima adalah rendah.

Perbezaan ketiga ialah bentuk pulangan yang diterima. ~~Membuat~~ membuat tabungan mendapatkan bentuk pulangan pulangan berbentuk (faedah atau dividen. Manakala pelaburan pula mendapat pulangan berbentuk pendapatan atau (keuntungan).

Kelemahan yang sering dilakukan oleh calon ialah mengaitkan pulangan pelaburan dengan faedah dan dividen.

Soalan 3(a)(i)

Umumnya prestasi calon adalah memuaskan. Calon dapat mengenal pasti unit ekonomi yang dimaksudkan ialah "isi rumah" dan peranannya sebagai pembekal faktor pengeluaran dan pengguna barang serta perkhidmatan.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

(a)(i) unit ekonomi yang terdapat dalam perbualan itu adalah isi rumah. Isi rumah merupakan sekumpulan individu, seorang individu dan sesebuah keluarga yang tinggal dalam sebuah rumah. peranan isi rumah adalah membekalkan input-input pengeluaran seperti buruh, modal, tanah dan usahawan. Isi rumah menerima ganjaran dalam bentuk upah, untung, sewa dan faedah daripada firma.)

Isi rumah juga berfungsi sebagai pengguna barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma) & Isi rumah menggunakan pendapatan yang diperoleh untuk dibelanjakan dalam membeli barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh kerajaan. Tujuan isi rumah berbelanja adalah untuk memenuhi keperluan dan kehendakan dengan memaksimumkan kepuasan.

Kelemahan calon ialah mengaitkan isi rumah dengan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas. Terdapat juga calon yang menghurai dari aspek keperluan dan kehendak.

Soalan 3(a)(ii)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah baik. Calon mampu menjelaskan beras sebagai barang keperluan dan mengapa ia lebih penting daripada anak patung yang hanya merupakan barang kehendak.

Contoh jawapan adalah seperti berikut:

Ibu pentingkan beras berbanding anak patung kerana beras ialah barang keperluan manakala anak patung ialah barang kehendak. Barang keperluan perlu dipenuhi dahulu untuk terus hidup tetapi barang kehendak tidak perlu dipenuhi untuk terus hidup kerana ia hanya untuk menambah keselesaan hidup.

Kelemahan calon ialah mengaitkan beras dan anak patung dalam pengalaman seharian mereka.

Soalan 3(b)

Prestasi calon secara keseluruhannya adalah memuaskan. Calon dapat menerangkan 5 faktor yang menyebabkan peralihan keluk penawaran ke kanan dari $S_0 S_0$ ke $S_1 S_1$.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

2) Dalam Rajah 1, apabila keluk penawaran $S_0 S_0$ berubah ke kanan ke $S_1 S_1$, ini bermakna pertambahan penawaran berlaku.

Pertambahan penawaran ini berlaku kerana faktor selain harga barang itu sendiri. Antara faktoranya ialah (harga faktor pengeluaran)^{F1}. Apabila (harga faktor pengeluaran menurun)^{H1} kos barangan yang ditawarkan itu akan menurun. Oleh itu, keuntungan yang lebih banyak dapat dicapai. Firma akan lebih banyak tertarik untuk menawarkan barang tersebut dengan lebih banyak.

(tingkat teknologi)^{F2} juga menjadi faktor. Apabila (teknologi yang lebih moden dan canggih diperkenalkan)^{H2} pengeluaran akan bertambah cekap dan kos semakin berkurang. Oleh itu, firma akan lebih tertarik untuk menawarkan lebih banyak.

Faktor seterusnya ialah (jangka harga masa akan datang)^{F3}. (Firma menjangka bahawa harga akan menurun pada masa akan datang)^{H3}. Oleh itu, firma bertindak untuk menambah penawaran sekarang kerana harganya lebih tinggi.

Selain itu, (cuaca)^{F4} juga menjadi faktor. Apabila (cuaca baik)^{H4} untuk mengeluarkan barangan itu, pengeluaran akan bertambah banyak dan begitu jugalah

dengan penawaran.

Akhir sekali, (dasar kerajaan)^{F4} kerajaan mungkin (memberi subsidi untuk merendahkan kos pengeluaran)^{H4} ataupun cukai jualan diturunkan. Oleh itu, firma akan lebih tertarik untuk menawarkan lebih banyak kerana membawa kepada lebih untung.

Kelemahan calon ialah menerangkan faktor "harga barang itu, harga barang penggenap dan faktor musim perayaan" sebagai salah satu faktor yang mempengaruhi perubahan penawaran. Terdapat juga calon yang menerangkan jawapan dalam dua situasi iaitu penawaran bertambah dan penawaran berkurang. Calon juga cenderung memberikan faktor penentu permintaan dalam jawapan mereka.

Soalan 3(c)

Umumnya prestasi calon adalah memuaskan. Calon dapat menjelaskan bagaimana titik E dicapai dan menghuraikannya pada 3 tingkat harga.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

soalan 3 (c)

((Pada harga enam ringgit ^{h₁} berlaku lebih ^{f₁} penawaran)) iaitu penawaran melebihi permintaan dan ((menyebabkan harga jatuh ke RM 2.)) ^{h₂} ^{f₂}

((Pada harga RM 2 berlaku lebih ^{f₃} permintaan)) iaitu permintaan melebihi penawaran sebanyak 20 dan ((menyebabkan harga naik ke RM 4)) ^{h₄} ^{f₄}

((Pada RM 4 berlaku keseimbangan pasaran)) ^{h₅} ^{f₅}

di titik ^{h₅} yang mana permintaan dan penawaran pasaran adalah seimbang.))

mar

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah memberikan jawapan "harga diturunkan apabila berlaku lebih penawaran dan harga dinaikkan apabila berlaku lebih permintaan". Konsep keseimbangan pasaran juga disalah tafsirkan sebagai "kuantiti dan harga adalah sama".

Soalan 4(a)(i)

Pada keseluruhannya prestasi calon adalah sangat baik. Sebahagian besar calon dapat memberikan nilai keanjalan harga penawaran dengan tepat berpandukan rumus yang diberi.

Contohnya:

$$E_s = \frac{\% \Delta Q_s}{\% \Delta P}$$
$$\text{Keanjalan harga penawaran barang X} = \frac{3\%}{12\%} = \underline{\underline{0.25}}$$
$$\text{Keanjalan harga penawaran barang Y} = \frac{32\%}{8\%} = \underline{\underline{4}}$$
$$\text{Keanjalan harga penawaran barang Z} = \frac{20\%}{20\%} = \underline{\underline{1}}$$

Kesilapan yang dilakukan oleh segelintir calon ialah meletakkan tanda % pada nilai pekali. Terdapat juga calon yang menjumlahkan semua % perubahan kuantiti dan semua % perubahan harga.

Soalan 4(a)(ii)

Prestasi calon adalah baik. Calon dapat mengenalpasti jenis keanjalan dan mentafsir nilai pekali keanjalan harga penawaran dengan betul.

Contohnya:

Barang X keanjalan 0.25 ialah barang (tidak anjal). Ini bermakna bila (harga berubah 1% kuantiti ditawarkan berubah 0.25%) Jadi (peratus perubahan kuantiti ditawarkan adalah kurang dari peratus perubahan harga).

Manakala 'barang' Y ialah 4 iaitu (barang anjal) Jadi bila (harga berubah 1% kuantiti ditawarkan adalah berubah ~~1~~ 4%). Oleh itu (peratus perubahan kuantiti ditawarkan adalah lebih besar daripada peratus perubahan harga)

Barang Z pula adalah 1 iaitu (barang anjal satu) Ini bererti bila (harga berubah 1% kuantiti ditawarkan adalah berubah 1%) Jadi (peratus perubahan kuantiti ditawarkan sama dengan peratus perubahan harga)

Kelemahan calon ialah tidak menulis "peratus" perubahan ketika menghuraikan anjal, tidak anjal dan anjal satu. Terdapat juga calon yang **salah tafsir**. Contohnya: "... apabila kuantiti berubah 4% harga akan berubah 1%.". Calon juga tidak menulis dengan lengkap apabila menerangkan jenis keanjalan. Contohnya: "**Barang X anjal kurang dari satu**". Jawapan yang sepatutnya ialah Barang X mempunyai nilai pekali keanjalan harga penawaran kurang dari satu.

Soalan 4(b)

Prestasi calon adalah sangat baik. Calon dapat menerangkan 2 fungsi wang dengan tepat berdasarkan iklan yang diberi dalam soalan.

Contohnya:

Fungsi wang dalam iklan itu ialah sebagai alat pengukur nilai iaitu komputer itu diukur dalam bentuk Ringgit Malaysia. Ia juga berfungsi sebagai alat bayaran tertunda iaitu komputer itu boleh dibeli dan dibayar secara ansuran untuk tempoh tertentu kerana nilai wang stabil.

Kelemahan calon ialah tidak dapat mengaitkan fungsi wang dengan bahan rangsangan yang diberi. Sebagai contoh mengaitkan fungsi wang sebagai alat perantaraan pertukaran.

Soalan 4(c)

Prestasi calon adalah sangat baik. Sebahagian besar calon dapat menghuraikan 5 cara mengawal inflasi dengan tepat.

Contohnya:

Keadaan ekonomi yang ditunjukkan oleh adalah inflasi. Bank ~~pus~~ pusat boleh mengawal keadaan itu dengan :

(Menurunkan kadar rizab tunai) F1

Apabila bank pusat menurunkan kadar rizab tunai (kemampuan bank untuk memberi pinjaman juga akan turun).^{H1F} Ini secara tidak langsung akan (mengurangkan jumlah pinjaman)^{H1B} yang dibuat oleh pengguna dan (permintaan terhadap barangan juga akan^{H1A} turun). Inflasi dapat dikawal.

(Menurunkan kadar rizab beruamun) F5

Apabila ~~tergagal~~ bank pusat menurunkan kadar rizab beruamun (kemampuan bank memberi pinjaman kepada orang ramai akan menurun)^{H5A} dan jumlah pinjaman orang ramai juga akan menurun^{H5B}. Ini secara tidak langsung akan (mengurangkan permintaan orang ramai)^{H5C} terhadap barangan dan inflasi dapat dikawal.

(Menurunkan kadar faedah) F2

Apabila faedah ditingkatkan (luas pinjaman juga akan ~~meningkatkan~~ meningkat)^{H2A} dan (jumlah pinjaman pengguna akan menurun)^{H2B} serta (permintaan terhadap barangan akan menurun)^{H2C}. Ini akan menyebabkan inflasi dapat dikawal.

(Menjual surat jaminan kerajaan) F3

Apabila bank pusat menjual surat jaminan kerajaan, jumlah wang pengguna akan menurun. ^{H3a} Ini secara tidak langsung akan menurunkan kuasa beli orang ramai. ^{H3b} Apabila kuasa beli orang ramai menurun permintaan terhadap barangan akan menurun dan inflasi dapat dikawal.

(Mengetatkan syarat sewa beli) F4

Apabila bank pusat ^{perlu} mengetatkan syarat sewa beli. Ini akan ^{H4a} (mengurangkan pinjaman maksimum orang ramai) dan memendekkan tempoh pembayaran balik pinjaman. Ini akan membantu mengawal masalah inflasi.

Kelemahan sebahagian kecil calon ialah menghuraikan tentang cara mengawal kemelesetan.

Soalan 5(a)

Secara keseluruhannya prestasi calon agak memuaskan. Sebahagian besar calon dapat menyatakan 4 masalah yang akan dihadapi oleh ekonomi negara jika bergantung kepada sektor utama. Namun demikian tidak ramai yang dapat memberi huraian kepada masalah tersebut kecuali masalah "peluang pekerjaan terjejas".

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

Masalah yang dihadapi ialah ketidakstabilan harga komoditi. ~~Permintaan~~ Barang seperti getah dan bijih timah mempunyai ~~ter~~ ketidakstabilan harga yang ketidakstabilan harga. Ini adalah kerana permintaan dan penawaran ~~harga~~ barang utama adalah tidak adil.

Masalah yang kedua ialah peluang pekerjaan
tejejar. Ba sektor utama tidak dapat menerapkan guna
tenaga yang tinggi. Seterunya pengangguran berlaku.

Masalah yang ketiga ialah kepupusan dan kelauran
sumber. Sumber-sumber seperti bijih timah semakin pupus.
Terdapat banyak lombong telah ditutupkan. Ini akan
menjejarkan pendapatan negara.

Masalah keempat ialah mengikutan imbangan dagangan.
Ini kerana, harga set komoditi sektor utama adalah
lebih murah daripada harga barang yang diimport. Ini
seterunya akan menyebabkan imbangan dagangan menjadi
negatif.

Kelemahan calon ialah tidak dapat menghuraikan setiap masalah dengan tepat terutamanya yang berkaitan dengan kepupusan sumber iaitu "tidak dapat diperbaharui".

Soalan 5(b)

Pada umumnya prestasi calon adalah agak baik. Sebahagian besar calon dapat menyatakan 5 jenis cukai tidak langsung. Namun demikian calon tidak dapat menghuraikan dengan tepat setiap jenis cukai tersebut terutamanya cukai eksport, cukai eksais dan cukai jualan.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

Terdapat beberapa jenis cukai tidak langsung yang dipindahkan
oleh pengeluar kepada pengguna dalam jualan barang dan perkhidmatan.
(Cukai import) dan cukai yang dikenakan terhadap
barang yang diimport ke Malaysia. Cukai ini biasanya dikenakan ter
terhadap barangan mewah seperti kereta, televisyen dan baju paular.
Harga barangan import akan meningkat dan memberi peluang
untuk barangan tempatan menguasai sebahagian pasaran.

(Cukai eksport)¹ merupakan cukai yang dikenakan terhadap barangan yang dibawa keluar dari Malaysia terutama pada barangan komoditi utama. Ini akan mengurangkan pengesportan komoditi utama kerana komoditi utama digalakkan diproses secara tempatan dahulu.

(Cukai eksais)^{P3} (dikenakan terhadap barangan keluaran tempatan) seperti arau dan vauca. Cukai ini dikenakan untuk menangkalkan harga dan mengurangkan permintaan masyarakat terhadapnya. Barangan tersebut biasanya membahayakan kesihatan.

(Cukai jualan)^{P4} (dikenakan terhadap barangan yang dijual oleh peniaga). Cukai ini akan menangkalkan hasil mereka. Misalnya kedai mengenakan cukai jualan terhadap pembelian televisyen.

(Cukai perindustrian)^{P5} (dikenakan terhadap perindustrian yang telah diberikan kepada seseorang. Cukai ini biasanya terdapat di restoran) H5

Kelemahan calon ialah memberikan jenis cukai langsung, contohnya: "cukai pendapatan, cukai tanah, cukai pintu..."

Soalan 5(c)

Pada umumnya prestasi calon tidak memuaskan. Kebanyakan calon menjawab secara umum tanpa merujuk kepada mana-mana negara. Calon memberi lebih tumpuan kepada perubahan mata wang kedua-dua negara pada tahun 2001 dan 2002. Calon juga tersilap membuat tafsiran menyebabkan jawapan terpesong.

Contoh jawapan adalah seperti berikut:

Pertukaran aing Ringgit Malaysia telah naik berbanding dengan Dolar Amerika. Ini akan menyebabkan harga barang import lebih murah, daripada barang eksport. Malaysia akan lebih mengimport barang dari Amerika dan sekiranya jumlah import melebihi eksport. Imbangan dagangan akan menjadi negatif.

Pertukaran asing Ringgit Malaysia berbanding dengan Pound sterling telah merosot. Ini akan menyebabkan ~~imbang~~ harga barang eksport lebih murah daripada barang import. Malaysia akan mengurangkan import. Kesannya ~~jumlah~~ jumlah nilai eksport melebihi jumlah nilai import. Imbangan dagangan akan menjadi positif.

Calon sepatutnya menghuraikan kesan perubahan kadar pertukaran asing pada tahun 2002 berbanding 2001 kepada Malaysia secara berasingan.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

Pada tahun 2002 ringgit Malaysia menurun dalam pertukaran asing antara negara Amerika dengan Malaysia. Apabila RM menurun maka eksport negara akan meningkat kerana ~~negara~~ negara asing mendapat harga barang yang dijual di Malaysia adalah murah kepada mereka dan import negara akan mengurang kerana negara kita membeli barang di luar negara menjadi lebih mahal kerana nilai wang negara kita adalah lebih rendah. Apabila eksport ~~jumlah~~ melebihi import maka imbangan dagangan mewujudkan positif. ~~Nilai RM lebih telah meningkat antara pertukaran asing negara England dan Malaysia. Contohnya pada tahun 2001 Nilai RM 3.80 = \$ 1, pada 2002 pula RM 3.98 = \$ 1. Nilai RM meningkat antara pertukaran asing negara England dan Malaysia. Eksport menurun disebabkan nilai RM telah naik harga barang lebih mahal dan import meningkat disebabkan pembelian barang dari negara England telah jadi murah berbanding dengan sebelumnya. Apabila import melebihi eksport maka wujudlah imbangan dagangan negatif. Contohnya \$ 1 = RM 7.00, apabila tahun 2002 \$ 1 = RM 6.00.~~

Soalan 6(a)(i)

Secara keseluruhannya prestasi calon tidak memuaskan. Kebanyakan calon memberikan jawapan "setuju" dan menerangkan kelebihan menabung dalam Simpanan Tabungan atau kelebihan menabung secara umum. Calon tidak faham kehendak soalan.

Contohnya:

Saya setuju dengan keputusan menabung yang dibuat oleh Encik Azli kerana Encik Azli menggunakan tabungannya untuk menerima faedah, menyimpan untuk kegunaan masa depan dan kecemasan serta pelaburan perniagaan batik.

Calon sepatutnya memberikan alasan "tidak setuju" kerana Simpanan Tetap menawarkan kadar faedah yang lebih tinggi.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

Saya tidak bersetuju dengan keputusan menabung yang dibuat oleh Encik Azli kerana menabung dalam Simpanan Tabungan hanya mendapat kadar faedah 2.5%. Encik Azli patut menabung di simpanan tetap kerana kadar faedah adalah lebih tinggi daripada kadar simpanan tabungan.

Soalan 6(a)(ii)

Pada umumnya prestasi calon adalah memuaskan. Sebilangan calon dapat menerangkan 3 cara Encik Azli boleh menambahkan pendapatannya.

Contoh jawapan adalah seperti berikut:

Encik Azli boleh menambahkan pendapatannya selain daripada tabungan dan memulakan perniagaan. Cara-cara lain ialah membeli harta tetap

Encik Azli boleh membeli harta tetap seperti rumah dan tanah untuk disewakan kepada orang lain. Encik Azli boleh menjual harta tetapnya kepada orang lain dengan harga yang lebih tinggi. Dengan ini, Encik Azli mendapat keuntungan membeli barang modal

Encik Azli boleh membeli barang modal seperti jentera dan mesin, Encik Azli membeli barang modal untuk mengurangkan daya pengeluaran. Dengan menggunakan teknologi yang canggih, kos pengeluaran akan menurun dan keuntungan dapat ditingkatkan.

membeli unit amanah saham

Encik Azli boleh membeli unit amanah saham untuk mendapat dividen. Encik Azli mungkin mengalami keuntungan dan kerugian jika membeli unit amanah saham. Risiko yang adalah lebih tinggi.

Calon gagal memasukkan fakta membeli polisi insurans nyawa dan memperoleh pulangan dalam bentuk faedah.

Kelemahan calon ialah mengaitkan pelaburan dengan saham dan mencadangkan agar Encik Azli membuka cawangan atau menjalankan pelbagai jenis perniagaan lain.

Soalan 6(b)

Prestasi calon memuaskan. Sebahagian besar calon mampu memberikan jawapan bank perdagangan, pinjaman bercagar dan MARA untuk melayakkan mereka mendapat 3 daripada 5 markah yang diperuntukkan.

Contoh jawapan calon adalah seperti berikut:

<p>Terdapat beberapa sumber pinjaman. Encik Azli bolehlah meminjam dari bank perdagangan yang menawarkan pelbagai jenis pinjaman seperti pinjaman persendirian (pinjaman bercagar) dan lain-lain lagi.</p>	1
<p>Syarikat kewangan turut memberikan pinjaman. Walau bagaimanapun, kadar faedah yang dikenakan adalah lebih tinggi.</p>	1
<p>MARA turut menyediakan pinjaman. Begitu juga dengan Pinak Kewangan yang mengenakan faedah 4% sahaja.</p>	1

Kesilapan yang kerap dilakukan oleh calon ialah memberi jawapan institusi kewangan secara umum dan bank pusat. Calon gagal memberi huraian fakta MARA dan Syarikat Kewangan.

Soalan 6(c)

Prestasi calon memuaskan. Sebahagian besar calon dapat menghuraikan sekurang-kurangnya 2 fakta terutamanya tarif dan kuota.

Contoh jawapan yang baik adalah seperti berikut:

1. Kerajaan boleh mengadakan sekatan ~~#~~ berbentuk (tarif) ^{F₁} atau duti import. Tarif merupakan (cukai ~~import~~ yang dikenakan terhadap barangan import. Cukai ~~beban~~ ~~ad valorem~~ yang berdasarkan nilai dan cukai spesifik yang berdasarkan kuantiti boleh dikenakan terhadap batik import Indonesia.) Maka penawaran batik Indonesia berkurang. Harga batik Indonesia ~~better~~ meningkat. Maka permintaan terhadap batik tempatan akan bertambah.

Kerajaan juga boleh mengenakan (kuota terhadap batik Indonesia.) ^{F₂} Kuota ialah jenis sekatan yang dikenakan terhadap barangan import ~~berdasarkan~~ dengan (mengehadkan kuantiti yang diimport.) Maka ~~#~~ bilangan import batik Indonesia berkurang (penawaran batik Indonesia turut berkurang). Maka ^{F₃} permintaan terhadap batik tempatan meningkat dan industri batik tempatan dilindungi.

Kerajaan juga boleh menyediakan (subsidi) ^{F₃} kepada ~~perage~~ pengusaha batik tempatan. (Dengan bantuan kewangan daripada kerajaan) ^{F₃} (as pengeluaran akan berkurang.) Maka, harga batik tempatan berkurang ^{F₃} dan kualiti batik tempatan juga dapat bersaing dengan batik import. Permintaan batik tempatan meningkat dan industri batik tempatan ~~dit~~ terpeliharakan.

Kelemahan calon ialah hanya mampu menyatakan jenis sekatan sahaja terutamanya tarif dan kuota tanpa huraian. Terdapat ramai juga calon yang menghuraikan sekatan "embargo" dan memberi jawapan "sekatan cukai" sahaja.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon perlulah menguasai konsep, istilah dan fakta ekonomi dengan tepat.
2. Calon hendaklah tahu semua tajuk perlu dipelajari dan diberi perhatian yang sama kerana kebanyakan soalan ada kaitan antara satu tajuk dengan tajuk yang lain.
3. Calon hendaklah menggunakan buku teks yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai bahan rujukan utama.
4. Calon hendaklah membiasakan diri merangka jawapan agar fakta dan huraian cukup serta tidak mengulangi fakta/huraian yang sama.
5. Calon hendaklah menjawab kedua-dua Bahagian A (3 soalan) dan satu soalan wajib di Bahagian B. Gunakan peruntukan markah bagi setiap ceraihan soalan sebagai panduan bagi menentukan jumlah fakta yang sepatutnya diberi dalam jawapan.
6. Jawapan calon hendaklah mengandungi fakta, huraian dan contoh yang sesuai dengan tugas soal.
7. Jawapan calon perlu dikaitkan dengan bahan rangsangan yang diberi dalam soalan. Elakkan jawapan secara umum.
8. Calon hendaklah menggunakan laras bahasa/istilah ekonomi yang tepat.
9. Calon perlulah menghafal rumus agar dapat menjawab soalan pengiraan dengan tepat. Nyatakan rumus dan unit yang berkenaan dalam jawapan.
10. Calon perlulah memperbanyakkan latihan sendiri terutamanya soalan-soalan SPM tahun-tahun lepas agar lebih terdedah dengan aras soalan peringkat SPM terutamanya soalan berbentuk kemahiran berfikir seperti analisis jadual / data, bahan grafik dan situasi/kes.
11. Calon perlu pembacaan yang luas tentang isu-isu ekonomi semasa peringkat Negara atau global melalui media cetak atau elektronik agar mendapat pendedahan yang secukupnya tentang perkembangan dunia ekonomi dan kaitkan dengan teori ekonomi yang dipelajari.
12. Calon perlu memilih soalan dengan bijak untuk mendapat markah yang tinggi.
13. Calon hendaklah memulakan ulangkaji semasa Tingkatan 4 dan pastikan dapat menguasai sukatan pelajaran Tingkatan 4 sebelum memulakan pembelajaran di Tingkatan 5. Elakkan amalan mengulangkaji pada saat-saat akhir menjelang peperiksaan SPM.
14. Calon hendaklah memahami tugas soal sebelum menjawab. Jawab “apa yang ditanya” dan bukannya “apa yang saya tahu” atau mengikut pemikiran logik sahaja.

SARANAN KEPADA GURU

1. Guru mestilah memastikan setiap pelajar menguasai konsep, istilah, teori, rumus dan laras bahasa ekonomi.
2. Guru hendaklah mempelbagaikan kaedah P & P dan gunakan BBM yang sesuai, berkesan dan terkini bagi menarik minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru.
3. Guru perlu memberi pendedahan dan latihan berterusan kepada pelajar bentuk-bentuk soalan SPM terkini agar pelajar biasa dengan soalan yang berbentuk kemahiran berfikir dan menjawab berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Ingatkan pelajar supaya menjawab 3 soalan dari Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.

4. Guru hendaklah mewujudkan pembelajaran kontekstual yang mampu memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mendekati diri dengan pengalaman sebenar yang berlaku di persekitaran mereka kerana ini dapat membantu menjana ide dan percambahan minda pelajar.
5. Guru hendaklah memastikan pelajar melukis rajah / keluk dengan cara yang betul tanpa mengabaikan label yang perlu ada dalam rajah / keluk tersebut seperti titik origin dan unit pada paksi.
6. Guru hendaklah membimbing pelajar menghasilkan jawapan tepat dan padat tanpa meleret-leret. Lakukan pemeriksaan latihan secara tekal dan berterusan agar kelemahan dan kesilapan dapat diminimumkan.
7. Guru perlu membina soalan yang setanding dengan soalan SPM agar pelajar terdedah kepada soalan yang mirip SPM.
8. Galakkan dan bimbing pelajar cara belajar yang berkesan agar daya ingatan dan kefahaman pelajar lebih mantap.
9. Pastikan pelajar menguasai sukatan pelajaran Ekonomi Asas secara menyeluruh dan bukannya memilih atau memberi tumpuan kepada tajuk-tajuk tertentu sahaja.